



Ruj. Kami : ANM(T)81/20/10/2

Jld.16(16)

Tarikh : } Disember 2016

Ketua Setiausaha Kementerian

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Tuan/Puan,

URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN PENOLONG AKAUNTAN GRED W29 KE GRED W32 DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan melaksanakan urusan pemangkuan jawatan Penolong Akauntan Gred W29 ke Gred W32. Syarat-syarat pemangkuan mengikut Skim Perkhidmatan Perakaunan Gred W29 ke Gred W32 adalah seperti berikut :-

- 2.1. Telah dilantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 sebelum atau pada **31 Disember 2008 (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred W32 berubah ke tarikh 01 Januari 2009 dan seterusnya);**
- 2.2 Mencapai markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2013, 2014 dan 2015) **tidak kurang 80%;**
- 2.3 Kelulusan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) - **salinan disertakan;**
- 2.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;

...2/-

- 2.5 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pendidikan;
- 2.6 Bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib ; dan
- 2.7 **Diperaku oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang yang dicetak hanya melalui ePerkhidmatan (rujuk Portal JANM) dan calon-calon yang **bersedia untuk penempatan semula mengikut kekosongan di seluruh negeri sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuan ini.** Untuk membuat permohonan, pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :-

- 3.1 Satu (1) salinan borang permohonan cetak online melalui ePerkhidmatan Pemangkuan (e-Borang JANM/M2);
- 3.2 Satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang dikemaskini;
- 3.3 Kelulusan Perisytiharan Harta yang terkini (dalam tempoh 5 tahun);
- 3.4 Salinan Kelulusan Tapisan Keutuhan; dan
- 3.5 Salinan Laporan Penilaian Prestasi (LPP) bagi Tahun 2013, 2014 dan 2015.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi tuan/puan ke Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM **sebelum atau pada 15 JANUARI 2017** di alamat :-

**Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, No.1, Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
62594 W.P.PUTRAJAYA
(u.p : Urusetia Kenaikan Pangkat)**

5. Diingatkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2** sahaja dikemukakan ke **Jabatan Akauntan Negara Malaysia**. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau lewat diterima tidak akan diproses.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai pegawai berikut :-

Bil	Nama Pegawai	No. Telefon	e-mail Jabatan @anm.gov.my
1.	Puan Siti Nurfatim binti Shamsuri	03-88821037	fatin.shamsuri
2.	Puan Nor Fariza binti Sulaiman	03-88821098	fariza


7. Kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" Inovasi & Integriti Pemangkin Merealisasi Perakaunan Akruan "

Saya yang menurut perintah,



(MANIZA BINTI MAHFUZ)
Bahagian Pembangunan Perakaunan
Dan Pengurusan
b.p. Akauntan Negara Malaysia
Tel : 03-88821100
Email: maniza@anm.gov.my

s.k : ANM

TAN (K)

TAN (O)

P (BPPP)

TP (SKPSM)

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, No. 1 Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
62594 W.P. Putrajaya

Tuan,

**CADANGAN PENEMPATAN BAGI PENOLONG AKAUNTAN GRED W32
(MEMANGKU) (SEKIRANYA DITAWARKAN)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya, (No. K/P :)
Dengan ini * bersetuju / tidak bersetuju dengan cadangan penempatan bagi kekosongan seperti berikut (sekiranya ditawarkan):

BIL	TEMPAT	TANDAKAN (√) BAGI PENEMPATAN YANG DIPERSETUJUI (SEKIRANYA DITAWARKAN)
1.	Kuala Lumpur	
2.	Putrajaya	
3.	Sarikei, Sarawak	
4.	Kapit, Sarawak	
5.	Tanjung Manis, Sarawak	
6.	Sri Aman, Sarawak	

3. Sekiranya saya **tidak bersetuju** untuk penempatan seperti di atas, maka saya **juga bersetuju** supaya penempatan ini diberikan kepada calon yang lain dan saya faham bahawa penempatan ini dibuat berdasarkan susunan merit yang dikeluarkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

4. Saya memohon pertimbangan untuk penempatan pemangkuan mengikut keutamaan berikut :

i.

ii.

iii.

5. Saya juga bersetuju, sekiranya saya memilih penempatan selain daripada penempatan yang telah dinyatakan di dalam perkara (2). Permohonan saya ini tidak akan diproses. Saya juga faham sekiranya saya menolak tawaran yang diberikan, ianya akan menjejaskan pemangkuan kenaikan pangkat ini.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. K/P :